

**SK CATHOLIC ENGLISH
PENDIDIKAN MORAL
TAHUN 4**

*PdPR Minggu 27
Khamis 19hb Ogos 2021*

**UNIT 12 KERJASAMA
Mari Uji Diri**

Disediakan oleh Cikgu Hamisah


Lengkapkan silang kata di bawah.

Melintang

1. Yu berasa amat _____ apabila banyak jiran yang membantu menghidupkan kereta ayahnya yang mengalami kerosakan.
2. Semua kerja dapat disiapkan dengan _____ jika semua anggota jiran bekerjasama.
3. Amalan bekerjasama dapat mengeratkan _____ dalam kalangan jiran.

Menegak

4. Sesuatu aktiviti yang dilakukan secara bersama juga boleh memupuk _____ kaum.
5. Apabila semua jiran bekerjasama, sesuatu tugas yang sukar akan menjadi _____.
6. Saya berasa _____ kerana memiliki jiran yang ringan tulang dan saling membantu.



Pilih jawapan yang betul.

1. Ungkapan kerja yang susah akan menjadi mudah bertepatan dengan amalan _____.

- I mementingkan diri sendiri
- II bekerjasama
- III tolong-menolong
- IV gotong-royong
- A I dan II
- B II dan III
- C I, II, dan III
- D II, III, dan IV

2. _____ jiran dalam kerja-kerja amal dapat meringankan beban jiran yang kurang bernasib baik.

- I Menyertai
- II Bersama-sama
- III Menjauhi
- IV Tidak mempedulikan
- A I sahaja
- B I dan II
- C II, III, dan III
- D I, II, III, dan IV

3. Yang berikut adalah pernyataan mengenai amalan kerjasama terhadap jiran.

- I Membersihkan semak samun di sekitar dewan orang ramai seorang diri
- II Menyertai aktiviti gotong-royong menceriakan taman permainan
- III Menjayakan aktiviti sukaneka
- IV Menganjurkan jualan amal
- A I dan II
- B II dan III
- C I, II, dan III
- D II, III, dan IV

4. Sikap saling _____ sesama jiran merupakan amalan mulia dan patut dicontohi.

- I bekerjasama
- II bertolak ansur
- III berganding bahu
- IV tolong-menolong
- A I sahaja
- B I dan II
- C II, II, dan III
- D I, II, III, dan IV

5. Sikap pantas jiran yang menghubungi polis dapat menyelamatkan rumah jiran daripada dicerobohi pencuri. Sikap jiran sebegini patut _____.

- I dipandang ringan
- II diperlekehkan
- III dicontohi
- IV dipuji
- A I sahaja
- B II dan III
- C III dan IV
- D I, III, dan IV

6. Apabila semua jiran bekerjasama, sesuatu tugas yang sukar akan menjadi _____.

- I mudah
- II senang
- III susah
- IV lambat
- A I sahaja
- B I dan II
- C II dan III
- D III dan IV